

---

**' MENGENALPASTI SEBAB-SEBAB JALAN PETALING  
BERJAYA SEBAGAI SEBUAH PUSAT MEMBELI-BELAH '**

---

*Dissertasi ini dihantar kepada Jabatan Senibina  
Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi syarat kursus  
Diploma Senibina Tahun Tiga.*

*Di sediakan Oleh :-*

**INTAN JASMINE BINTI ISMAIL - 86308736**

**DIPLOMA SENIBINA TAHUN 3**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

**SELANGOR DARUL EHSAN.**

---

## ISI KANDUNGAN

Tajuk Utama	Mukasurat
Pengenalan .....	1 - 3
Objektif kajian .....	4
Rumusan bidang kajian .....	5 - 6
Sejarah pembangunan Kuala Lumpur ....	7 - 12
Pengenalan Jalan Petaling .....	13 - 14
Sebab-sebab Jalan Petaling sebagai sebuah pusat membeli-belah .....	15 - 23
Pengaruh perniagaan terhadap keadaan dan kadar aktiviti .....	24 - 34
Mengenalpasti masalah di Jalan Petaling .....	35 - 45
Kesimpulan .....	46 - 51

## PRAKATA

Terlebih dahulu bersyukur saya kehadarat Illahi yang telah memberi taufik dan hidayah serta khudratNya didalam penyediaan disertasi ini.

Matlamat mengadakan disertasi ini adalah untuk memberikan latihan di dalam melatih dan mewujudkan daya pemikiran yang kuat dan bernas di dalam proses menceburkan diri dalam bidang professional disamping itu mengkaji selidik sesuatu teori untuk membuktikan benar atau tidak sesuatu kajian yang dikemukakan.

Dissertasi ini merangkumi kajian mengenalpasti dan penyelidikan serta tinjauan untuk menghasilkan keputusan kerja kajian yang bernas dan dapat dijadikan sebagai panduan bagi pihak-pihak yang berkaitan.

Sebagai penutup satu kesimpulan dibuat supaya ianya jelas difahami oleh pihak-pihak yang berkaitan.

- Pengarang -

## PENGENALAN

Apabila diperkatakan berkenaan jalan petaling hampir kesemua penduduk di bandaraya ini mengenalinya sebagai sebuah pusat membeli-belah tradisional yang dijalankan secara informal.

Kawasan ini lebih dikenali sebagai Bandarcina atau Chinatown memandangkan kawasan ini adalah merupakan penempatan awal masyarakat cina sejak kurun yang ke lapanbelas.

Jalan Petaling secara amnya diapit oleh dua batang jalan dan dibentuk oleh deretan rumahkedai serta ditambahi pula dengan penyebaran penjaja-penjaja kecil yang tidak teratur dimana ianya selalu mendatangkan masalah lalulintas di kawasan ini serta di kawasan berhampiran.

Sumber-sumber yang membawa kepada kejayaan kawasan ini sebagai kawasan membeli-belah merupakan satu perkara yang perlu dikaji.

Maka di dalam desitasi ini yang bertajuk mengenalpasti kejayaan Jalan Petaling sebagai sebuah kawasan membeli-belah akan lebih menumpukan bidang kajian terhadap sebab-sebab yang membawa kepada kejayaan serta kepopulariti kawasan Jalan Petaling ini.

Ianya dikaji dari aspek-aspek yang tertentu iaitu ;

- a) sejarah kawasan kajian
- b) lokasi kawasan kajian
- c) jenis perniagaan di kawasan kajian

Ketiga-tiga aspek ini adalah penting dalam menyiapkan kajian kerana ianya mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan merupakan bahan utama dalam